



kaunseling Remaja

Prof Madya Dr Sapora Sipon Menjawab

Jika anda menghadapi masalah percintaan, pembelajaran, kewangan, keluarga dan perkara peribadi yang sukar diselesaikan, pakar kaunseling Universiti Sains Islam Malaysia (Usim) sedia membantu. Hantarkan masalah anda lengkap dengan nama dan alamat penuh kepada Ruangan Pengelola Kaunseling Remaja, Harian Metro, Balai Berita, 31, Jalan Riong, 59100 Bangsar, Kuala Lumpur atau e-mel kepada rencana@hmetro.com.my

Pilih jejaka, tolak duda

Anak sulung tertekan keluarga tak restui hubungan dengan rakan sepejabat miliki tiga anak

Soalan

SAYA anak sulung daripada empat beradik, berasal dari pantai timur dan kini menyambung pengajian sarjana sambil bekerja di ibu kota. Saya pernah mengalami peristiwa hitam apabila dicabul bapa saudara ketika masih kecil dan kesannya ketika di alam persekolahan dari sekolah rendah hingga menengah saya memilih untuk bersekolah di sekolah perempuan.

Ketika di universiti, saya hanya berhubung dengan kawan-kawan lelaki apabila

berkeperluan hingga suatu masa kedua-dua ibu bapa risau dengan keadaan saya. Akhirnya, saya cuba membuka pintu hati untuk menerima lelaki hanya selepas mendengar nasihat orang tua agar belajar berkawan dengan lelaki. Keluarga saya mengenali keluarga teman lelaki agak rapat dan menyukainya, namun hubungan kami tidak mampu bertahan lama disebabkan sikapnya yang suka mengambil kesempatan dan akhirnya sekali lagi memusnahkan kepercayaan saya terhadap lelaki.

Namun, setahun selepas

kejadian, saya mengenali seorang lagi lelaki, R di tempat kerja. Kerana tidak mahu pisang berbuah dua kali, saya ceritakan segala-galanya mengenai lelaki ini kepada orang tua saya. Untuk pengetahuan doktor, lelaki ini duda yang 10 tahun lebih tua daripada saya dan mempunyai tiga anak yang masih bersekolah dalam jagaannya.

Awalnya, saya menjangkakan penolakan dari pada ibu bapa, namun sebaliknya terjadi. Ayah tidak kisah dengan siapa saya ingin berkawan dan faktor usia bukan penghalang.

Disebabkan penerimaan, sekali lagi saya bukakan hati untuk lelaki dan kali ini saya bersungguh-sungguh agar hubungan ini berkekalan.

Apabila hubungan kami sudah mula serius, tiba-tiba muncul seorang lelaki bujang yang ayah kenali melalui rakannya. Sejak itu, ibu bapa saya menolak R kerana kemunculan jejaka ini. Ayah awal-awal memberitahu, walaupun R datang bertemu, dia akan menofak. Ibu pula, memberitahu saya beliau sudah tidak mahu mendengar apa-apa cerita berkenaan R mulai sekarang.

Dr, saya sangat terkilan. Saya bukanlah anak yang derhaka. Bukan untuk bercakap besar, tapi kedudukan saya sebagai anak sulung menyebabkan sentiasa mendahulukan keluarga berbanding perkara lain dalam hidup saya. Kenapa tidak kali ini mereka cuba menerima pilihan saya? Sekurang-kurangnya cuba mengenali R bukan terus mengetepikannya hanya selepas muncul jejak ketiga pilihan mereka.

Kerana mereka juga saya cuba untuk mengenali jejak itu. Beliau seorang yang baik dan pernah berjanji sekiranya peluang diberikan kepadanya, dia sepenuh hati menerima saya. Bagi saya, kata-kata yang dia luahkan tidak lebih seperti mendengar ayah bercakap. Paling membuatkan saya sedih dan kecewa, dia tahu hampir semua pergerakan hingga saya rimas.

Hanya disebabkan ini, saya berubah daripada seorang anak yang mudah menceritakan hal-hal kehidupannya pada ibu bapa kepada seorang yang sangat berahsia. Saya sudah tidak tahu apa yang layak saya ceritakan kepada mereka dan segala-galanya berubah sekelip mata. Saya sudah menemui ketiga-tiga anak teman lelaki dan mereka menerima saya dengan baik. Saya hanya menerima apa yang diatitkan dalam hidup selama ini.

Namun, salahkah jika dara

mengenali duda?

Dalam dilema,
Kuala Lumpur

Jawapan;

PERSOALAN dara mengahwini duda tidak timbul kerana tiada dalam mana-mana garis panduan berpasangan ia salah. Selagi mana perhubungan itu mengikut hukum syarak dan batas-batas pergaulan yang ditetapkan dalam agama akan terbinalah sebuah perhubungan yang harmoni.

Secara psikologi, peringkat perkembangan diri adik mengikut masa dan keadaan. Adik akan mendekati lelaki yang menerima adik seadanya dan ikhlas tanpa mengambil sebarang kesempatan. Peristiwa hitam dicabul bapa saudara sendiri meletakkan sempadan serta larangan adik terhadap lelaki. Apa yang lebih menambahkan konflik adik adalah faktor penolakan ibu bapa terhadap lelaki yang mula hadir dalam diri. Tanggungjawab sebagai anak sulung pula mempengaruhi setiap keputusan adik yang perlu mendahulukan keluarga dalam segala hal. Ini dilema adik yang akhirnya menekan jiwa.

Dr memahami perasaan dan dilema adik apatah lagi sudah berasa selesa bersama R serta cuba membuka ruang hati untuk menerimanya biarpun bukan calon pilihan ibu bapa. Mungkin Dr boleh buat perbandingan bagaimana adik rasa tertekan dan tersepit untuk membuat pilihan iaitu sama ada mengikut kehendak diri sendiri atau menurut kemahuan ibu bapa. Begitu juga ibu bapa adik rasa sedikit sebanyak ketika mahu menyatakan keputusan mereka kepada adik.

Namun, tindakan adik yang terus menyepikan diri daripada berkongsi sebarang hal-hal kehidupan dengan ibu bapa perlu dinilai dan disemak semula. Fahamilah bukan semua orang yang menentang kehendak diri kita adalah tidak menyayangi kita. Apa yang penting, adik

perlu menerima perilaku ibu dan bapa seadanya. Cubalah untuk memulakan hubungan yang positif dengan mereka. Setiap perkara yang buruk itu tidak semestinya dibalas dengan keburukan juga. Perkara yang paling baik adik praktikkan ialah menggunakan kemahiran mendengar dengan berkesan.

Dengar dulu pandangan ibu bapa kemudian berikan timbal balas. Selepas itu cuba fahami dan beri peluang kepada mereka untuk menyuarakan pandangan. Pandangan yang baik, perlu diteliti dan diterima manakala pandangan yang tidak sesuai tidak perlu disangkal dengan cepat sebaliknya dengan berhati-hati supaya tidak terasa hati.

Setiap apa jua keputusan yang dipilih mestilah berdasarkan niat yang ikhlas. Adik perlu menanamkan niat amat menyayangi ibu bapa dan mahu mereka berasa bahagia mempunyai anak seperti adik. Ini kerana keputusan yang diambil sebaiknya datang daripada persetujuan kedua-dua pihak. Pandangan dan pendapat yang adik sampaikan kepada ibu bapa perlu secara terbuka. Ketahuilah orang lain akan memberi tindak balas berpandukan reaksi kita kepada mereka. Jika adik memberi reaksi negatif, orang lain juga akan memberi tindak balas negatif. Begitu jugalah sebaliknya.

Seterusnya, banyakk berdo'a agar Allah membuka pintu hati ibu bapa untuk menerima pilihan hati adik jika keputusan nekad sudah dibuat. Yakinkan mereka R boleh membahagiakan adik dan reda dengan ketentuannya. Namun, jika ditakdirkan doa yang berterusan belum dimakbulkan Allah, terimalah dan jangan menyalahkan takdir.

Setiap yang baik itu Allah tangguhkan pemberian untuk hamba-Nya yang taat sebagai satu cara peningkatkan iman. Doa anak yang soleh adalah harta yang tidak ternilai buat ibu bapa apabila mereka tiada lagi di dunia ini.